

12 NOV 2000

OIC-Malaysia

MALAYSIA TAWAR DIRI ANJUR SIDANG KEMUNCAK OIC 2003

Oleh: Muin Abdul Majid

DOHA, Qatar, 12 Nov (Bernama) -- Malaysia hari ini secara rasmi menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) 2003.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan hasrat Kuala Lumpur itu semasa berucap mewakili negara-negara Asia pada pembukaan sidang kemuncak kesembilan OIC di Hotel Sheraton Doha di sini.

"Kami menganggap sidang kemuncak Islam tiga tahun sekali ini sebagai forum penting bagi mempertimbangkan pembangunan bermakna untuk ummah.

"Dalam hubungan inilah, saya, bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah sesi ke-10 Persidangan Sidang Kemuncak Islam di Kuala Lumpur pada 2003," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berharap tawaran itu akan dipertimbangkan oleh 56 negara anggota OIC.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar membayangkan minat Kuala Lumpur untuk menjadi hos sidang kemuncak itu pada mesyuarat penyelarasan tahunan menteri-menteri luar OIC di New York pada September lepas.

Sebuah lagi negara yang berminat untuk menjadi tuan rumah perhimpunan para pemimpin Islam itu ialah Gambia.

-- BERNAMA

MAM LAT MAI